

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG DIPERTUA MPSP**
**FORUM PERDANA EHWAL ISLAM 1434H SEMPENA
SAMBUTAN HARI MAJLIS KE – 39 / 2013 ANJURAN**
BERSAMA PERMAI DAN MPSP
5 JULAI 2013 (JUMAAT)

**Yang Berbahagia Ustaz Roslan Bin Che Ros
Pegawai Agama Daerah SPS**

**Yang Berbahagia Ustaz Elias Bin Zakaria
Pensyarah USM**

**Yang Berbahagia Ustaz Muhammad Azki Hafizi Bin Ibrahim
Pengarah Perhubungan Awam Kolej University Insaniah**

**Yang Berusaha Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Yang Dipertua PERMAI
En Abd Fikri Ridzauudin Bin Abdullah**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pengerusi, panel-panel forum perdana, tuan-tuan dan puan/puan sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke Forum Perdana Ehwal Islam 1434h bertajuk “Ramadhan Membangun Sahsiah Ummah” sempena sambutan Hari Majlis Ke – 39 / 2013. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan Majlis ini yang merupakan program anjuran bersama Permai dan MPSP. Ucapan terima kasih kepada para panel, Ustaz Roslan Bin Che Ros, Ustaz Ellias Bin Zakaria dan Ustaz Muhammad Azki Hafizi Bin Ibrahim kerana dapat meluangkan masa untuk program ilmiah pada malam ini. Marilah kita sama-sama menghayati topik dan pesanan yang akan diberikan oleh panel-panel kita.

Para hadirin sekalian,

MPSP juga membawa penampilan istimewa oleh Adik Hanan Athirah dan kawan-kawan (Adik Ain Amani & Adik Alia Najiha dari rancangan Adik-Adikku Musim Ke-4 di RTM1 pada malam ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada penaja bersama JKR SPT dan Perusahaan Roti SM kerana sanggup bekerjasama denga MPSP dalam menjayakan program ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian kerana kesudian hadir ke Forum Perdana Ehwal Islam 1434h anjuran Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam (PERMAI) dan MPSP pada malam ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.